



**TEKS UCAPAN
YB ADLY BIN ZAHARI
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**PERASMIAN
“MAJLIS PENGANUGERAHAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA
(PROGRAM RECOGNITION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING-
RPEL) & SIJIL PERHEBAT”**

12 NOVEMBER 2024 (SELASA) | 10.00 PAGI

**DEWAN JUBLI PERAK, KOMPLEKS PERHEBAT
KEM SUNGAI BULOH, SUNGAI BULOH, SELANGOR**

مَسْبَدُ اللَّهِ نَحْنُ مُحَرِّلُوا مِيحرَلَا
(BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM)

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
وعلى آله وصحبه أجمعين

(ALHAMDULILLAHIROBBIL 'ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU 'ALA ASROFIL AMBIYA IWAL MURSALIN WA'ALA ALIHI WASOHBIGHI AJ MA'IN)

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala Tuhan sekalian alam serta selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam, para sahabat dan keluarga Baginda.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

(SALUTASI) Lampiran Salutasi Disediakan

1. Alhamdullilah dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama hadir ke **Majlis Penganugerahan Diploma Kemahiran Malaysia (Program Recognition of Prior Experiential Learning-RPEL) dan SIJIL PERHEBAT**. Terima kasih kepada PERHEBAT atas undangan dan penghormatan ini.
2. Saya mengambil maklum sejumlah 2,716 anggota ATM telah berjaya menamatkan Latihan Peralihan di seluruh Malaysia. Selanjutnya, seramai 477 anggota dan veteran ATM berjaya ditauliahkan Diploma Kemahiran Malaysia pada tahun ini, menerusi Program R-PEL.
3. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan di atas penganugerahan Diploma dan Sijil pada hari ini. Saya amat terharu dengan keazaman dan dedikasi Tuan-Puan untuk terus menuntut ilmu. **TAHNIAH** dan **SYABAS** atas pencapaian yang amat membanggakan ini.

4. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada barisan pengajar PERHEBAT yang telah melatih dan membimbing kelompok kali ini.

PERANAN DAN HALA TUJU PERHEBAT

Para hadirin yang saya hormati,

5. Kementerian Pertahanan melalui Kertas Putih Pertahanan (KPP) akan terus memberi keutamaan dan komitmen terhadap inisiatif pembangunan modal insan dan sosioekonomi Bakal Pesara dan Veteran ATM. Ini merangkumi program **Latihan Peralihan** oleh PERHEBAT dalam bidang teknikal, vokasional (TVET) dan keusahawanan sebagai pemangkin kerjaya kedua veteran ATM.
6. Komitmen ini termasuklah bagi membantu menyediakan anggota ATM yang bakal bersara untuk berhadapan dengan alam persaraan dan peralihan untuk merebut peluang kerjaya kedua setelah tamat perkhidmatan.
7. Tidak dinafikan, sejak akhir-akhir ini, isu berkaitan pemerkasaan PERHEBAT dan keupayaan institusi ini untuk memberi perkhidmatan latihan peralihan kepada bakal pesara sering dibangkitkan di Parlimen.
8. Ini bermakna, peranan PERHEBAT dan *outcome* program yang dilaksanakan menjadi perhatian kepada masyarakat. Atas dasar itu, saya bersama-sama Yang Berhormat Menteri Pertahanan tekad untuk PERHEBAT ditransformasikan agar tidak sekadar menjadi penyedia latihan, tetapi sebagai institusi yang menghubungkan bakal-bakal pesara secara proaktif dengan pasaran kerjaya sebenar.

KEBERHASILAN LATIHAN PERALIHAN

9. Pada masa ini, PERHEBAT sedang memantau perkembangan kerjaya 6,851 orang veteran yang tamat Latihan Peralihan tahun 2023. Hasilnya, daripada **3,142** veteran yang dihubungi, **70.4%** telah mempunyai kerjaya kedua iaitu:
 - 15% bekerja dengan majikan
 - 74% menjadi usahawan tunas atau bekerja sendiri
 - 11% menjadi usahawan
 - Manakala 30% veteran sedang mencari pekerjaan
10. Ini bermakna, masih ada ruang pengukuhan dan pemantapan yang perlu sama-sama kita usahakan. PERHEBAT perlu terus proaktif memata kerjasama dengan pelbagai agensi dan syarikat swasta serta pendekatan baharu yang boleh memberikan manfaat kepada veteran ATM dalam meneroka peluang kerjaya kedua.

INISIATIF KERJAYA KEDUA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

11. Sebagai *enabler* kerjaya kedua Veteran ATM, PERHEBAT telah melaksanakan pelbagai inisiatif **penempatan pekerjaan** menerusi kolaborasi bersama syarikat-syarikat dalam pelbagai industri.
12. Kerjasama itu melibatkan beberapa agensi dan syarikat swasta seperti Talent Corp. menerusi Veteran MyWira, Malaysia Aviation Group (MAG), Pos Aviation Sdn. Bhd., Micron Memory Malaysia, Boustead Properties Bhd, Airbus Helicopters Malaysia Sdn Bhd.
13. Sehingga kini, sejumlah **203 veteran berjaya mendapat pekerjaan** dengan pelbagai jawatan seperti juruteknik penyelenggaraan pesawat, pengurus, penyelia, pegawai keselamatan, pegawai operasi dan pengajar institut memandu.

INISIATIF KEUSAHAWANAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

14. Perangkaan menunjukkan 85 peratus veteran memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya kedua mereka.
15. Lantaran itu, PERHEBAT telah melaksana pelbagai program insentif keusahawanan seperti **Program Pemerkasaan Usahawan Veteran ATM (PUVET ATM)** yang berperanan sebagai Pemudahcara dan Penghubung untuk mengenalpasti dan menyalurkan insentif keusahawanan yang merangkumi khidmat kepakaran, fasiliti, geran dan latihan yang diperlukan oleh Usahawan Veteran ATM untuk memajukan perniagaan.
16. Sejak dilaksana pada 2023, seramai **198 veteran** telah menerima manfaat geran berjumlah **RM990 ribu ringgit** menerusi inisiatif PUVET ATM yang dipacu oleh Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.
17. PERHEBAT turut bekerjasama dengan 3 institusi perbankan iaitu Affin Islamic Bank, Bank Muamalat Malaysia dan Bank Simpanan Nasional dengan menyediakan **dana zakat dan pembiayaan mikro** menerusi inisiatif **i-TEKAD** khusus untuk veteran. Usaha ini bagi memperkasa usahawan mikro berpendapatan rendah terutamanya mereka dalam kalangan veteran tentera.
18. Terkini, PERHEBAT bakal melaksanakan **Projek Inisiatif Pendapatan Rakyat-Usahawan Tani (IPR-INTAN)** dengan kerjasama dan kelulusan daripada Kementerian Ekonomi. IPR INTAN-PERHEBAT ini akan menjalankan projek tanaman cili bara seluas 15 ekar di Kem Erskine, Kuala Kubu Bharu, khusus untuk Veteran ATM dalam kumpulan B40 di negeri Selangor.

Hadirin sekalian,

19. Hari ini, **6 memorandum persefahaman (MoU)** bakal dimeterai oleh PERHEBAT dengan rakan strategik bagi memanfaatkan Bakal Pesara dan Veteran ATM dalam skop penempatan pekerjaan dan program-program latihan iaitu:

- Universiti Teknologi Malaysia (UTM),
- *Open University Malaysia (OUM)*,
- Jelita TVET Women Academy Sdn Bhd (Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)),
- Invest Selangor Bhd,
- Majlis Ekuin Malaysia,
- Richiamo Coffee Sdn Bhd.

PROGRAM RECOGNITION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING (R-PEL)

20. Dalam usaha memberi nilai tambah dan peluang kepada anggota dan veteran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan meningkatkan kebolehpasaran dalam sektor pekerjaan, maka PERHEBAT dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah melaksanaan **tiga program pensijilan R-PEL** iaitu:

- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM);
- Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) ; dan
- Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)

21. R-PEL adalah program pensijilan berstruktur dengan pendekatan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu individu berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu.

Hadirin dan hadirat sekalian,

22. Saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua bakal pesara ATM untuk sesi kali ini. Terima kasih atas sumbangan pada negara serta jasa bakti yang dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan saudara dan saudari semua.
23. Sesungguhnya negara sangat terhutang budi dan akan terus mengenang serta menghargai segala keringat dan pengorbanan tersebut. Sekali lagi saya mengucapkan sekalung tahniah atas kejayaan menamatkan Latihan Peralihan.
24. Akhir kata, selamat menempuh alam persaraan, selamat kembali ke pangkuhan masyarakat dan meneroka kerjaya kedua, dan selamat maju jaya kepada semua. Saya yakin bahawa dengan berbekalkan pengalaman yang pelbagai dalam perkhidmatan ATM dan latihan oleh PERHEBAT, Tuan/Puan sudah bersedia untuk menempuh kerjaya kedua yang bakal diceburi.
25. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya **MERASMIKAN MAJLIS PENGANUGERAHAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (PROGRAM RECOGNITION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING-RPEL) & SIJIL PERHEBAT.**

Sekian, Wabillahhitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.